



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA
DAN TRANSFORMASI AIR

SIARAN MEDIA

PETRA PACU AGENDA TENAGA: MERAPATKAN JURANG, MEMBINA KEMAKMURAN ASEAN

LANGKAWI, 23 Januari 2025 – Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) telah melancarkan tema bagi mesyuarat sektor tenaga peringkat ASEAN pada tahun 2025 iaitu **“Powering ASEAN: Bridging Boundaries, Building Prosperity”** untuk menekankan keperluan memperkasakan agenda tenaga dengan merapatkan lagi jurang antara negara-negara ASEAN agar dapat membina kemakmuran dan kemajuan di rantau ASEAN. Hasilnya akan meningkatkan kualiti kehidupan rakyat melalui pertumbuhan ekonomi di samping mengutamakan agenda keterangkuman dan kemampanan. Mesyuarat Khas Pegawai Kanan Tenaga ASEAN 2025 diteruskan pada hari kedua yang merupakan sesi kemuncak mesyuarat-mesyuarat tenaga.

Mesyuarat juga turut bersetuju dengan cadangan lapan (8) Keutamaan Tahunan (Annual Priorities - AP) untuk sektor tenaga ASEAN tahun 2025 iaitu merangkumi agenda ASEAN Power Grid (APG) seperti menandatangani dokumen APG Enhanced Memorandum of Understanding (MoU) dan membincangkan term of references (TOR) for subsea power cable development framework serta pengumuman berhubung mekanisme pembiayaan bagi APG; menandatangani ASEAN Petroleum Security Agreement (APSA) Successor Agreement; peluncuran ASEAN Energy Efficiency Database and Investment Platform (Building); memuktamadkan Renewable Energy Long-term Roadmap (RE LTR); pembangunan kerangka ASEAN Renewable Energy Certificate (REC); peluncuran ASEAN Plan of Action for Energy Cooperation (APAEC) 2026-2030; dan pembangunan Kerangka Nuclear Power Plant Deployment (NPP).

Mesyuarat juga bersetuju dua (2) output Keberhasilan Utama Ekonomi

(Priority Economic Deliverables - PED) berkaitan tenaga bagi tahun 2025 iaitu menandatangani dokumen APG Enhanced MoU dan penerimaan dokumen ASEAN Plan of Action for Energy Cooperation (APAEC) 2026-2030. Kedua-dua dokumen ini adalah penting untuk memastikan kerjasama yang berterusan dalam kalangan negara anggota ASEAN bagi pembangunan industri tenaga ke arah keterjaminan bekalan dan kemampuan tenaga di rantau ASEAN.

Mesyuarat juga telah bersetuju dengan cadangan dokumen APG Enhanced MoU dan ASEAN Framework Agreement on Petroleum Security (New APSA) ditandatangani serta dokumen dasar APAEC 2026-2030 dilancarkan semasa Mesyuarat Menteri-Menteri Tenaga ASEAN (ASEAN Ministers of Energy Meeting – AMEM) ke-43 pada September 2025.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR 22 JANUARI 2025

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my

